

Profil Jawatan Kosong

Agensi : **Pejabat Majlis Islam Sarawak**
Nombor Rujukan : BPP/02C/2026
Tarikh Iklan Dibuka : 11 Jun 2026
Tarikh Iklan Ditutup : 24 Jun 2026
Jawatan : **Eksekutif C**
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 1
Stesen : Biro Perkhidmatan Pendidikan - Majlis Islam Sarawak
Jadual Gaji : Gaji Minimum: RM2,960.10



Sila Imbas

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah **anak kelahiran Sarawak** atau **warganegara Malaysia yang berdomisil di Sarawak** atau yang **bermastautin secara tetap di Sarawak** yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan, berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **Atau**
- (b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **SERTA** Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak diiktiraf oleh Kerajaan; **Dan**
- (c) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Cara Memohon:

Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS)** beserta **Resume** (mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja), **sesalinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 24 Jun 2026 (Rabu)** kepada:

**SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**